

Lot 24 Jalan 1 Taman Bunga Raya
53200 Cheras,
Kuala Lumpur

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Cheras,
Jalan Tun Razak
53200 Cheras,
Kuala Lumpur.
Tuan/Puan

28 OGOS 2020

ADUAN MENGENAI PILI BOMBA

1. Nama saya Tan Cheng Ong dan saya merupakan pengerusi penduduk di Taman Bunga Raya, Cheras. Tujuan saya menghantar surat ini untuk membuat aduan mengenai pili bomba di kawasan perumahan saya.
2. Untuk pengetahuan pihak tuan, pili bomba di Taman Bunga Raya iaitu Jalan 1 dan Jalan 3 telah dirosakkan oleh para remaja yang tidak bertanggungjawab sejak tiga minggu lalu. Mereka telah memecahkan pili bomba sehingga menyebabkan air keluar dengan banyak ke dalam longkang.
3. Disebabkan hal ini, kebakaran yang berlaku di Jalan 1 pada minggu lepas mengalami kesulitan. Pihak bomba sukar mendapatkan sumber air untuk memadamkan kebakaran. Nasib baik para penduduk di sini bekerjasama memadamkan kebakaran dengan mendapatkan air dari sungai berdekatan.
4. Persatuan penduduk telah berbincang untuk mengambil tindakan terhadap para remaja yang melakukan perbuatan ini. Kami amat berharap agar pihak tuan mengambil tindakan segera untuk membaiki pili bomba tersebut. Kerjasama pihak tuan amat kami hargai.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,

Tan Cheng Ong

(Tan Cheng Ong)

Jawab soalan-soalan di bawah.

1. Surat ini mengenai apa?

2. Apakah jawatan Tan Cheng Ong di Taman Bunga Raya?

3. Sejak bilakah pili bomba di taman itu rosak?

4. Siapakah yang bertanggungjawab di atas kerosakan tersebut?

5. Apakah kesulitan yang dialami oleh pihak bomba?

6. Bagaimana penduduk taman membantu pihak bomba?

7. Apakah yang terjadi pada pili bomba yang dirosakkan itu?

8. Nyatakan 2 kemudahan/perkhidmatan awam yang terdapat dalam surat di atas.

a)
b)

9. Namakan gambar di bawah dengan nama yang betul.

kebakaran	ahli bomba	pili bomba
-----------	------------	------------

		

10. Bina ayat mudah bagi setiap perkataan di bawah. Gunakan **SKOP formula** untuk latihan ini.

Contoh: pili bomba: Adik (S) tersepak(K) pili bomba (O) semasa dia turun dari basikalnya.(P)

a) Ahli bomba -

b) Kebakaran -